



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH LITERASI LABEL NUTRISI KE ATAS SIKAP TERHADAP LABEL  
NUTRISI DAN PEMILIHAN MAKANAN SIHAT**

**MOHAMAD ROHIESZAN BIN RAMDAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PEMASARAN  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi dan; pengaruh literasi label nutrisi dan sikap terhadap label nutrisi ke atas pemilihan makanan sihat. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Data dikumpul daripada sampel yang terdiri daripada 420 orang responden yang berumur 15 tahun dan ke atas yang tinggal di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pemilihan sampel dibuat menggunakan teknik pensampelan berkelompok dan diikuti dengan rawak sistematik. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens. Analisis deskriptif diguna untuk meringkaskan profil responden, manakala analisis regresi linear digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang dicadangkan. Dapatan menunjukkan bahawa literasi label nutrisi mempunyai pengaruh yang tidak signifikan ke atas sikap terhadap label nutrisi ( $\beta=0.061$ ,  $p>0.05$ ). Namun, literasi label nutrisi ( $\beta=-0.147$ ,  $p<0.001$ ) dan sikap terhadap label nutrisi ( $\beta=0.612$ ,  $p<0.001$ ) mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pemilihan makanan sihat. Sikap terhadap label nutrisi merupakan pemboleh ubah yang lebih dominan berbanding literasi label nutrisi dalam mempengaruhi pemilihan makanan sihat. Kesimpulannya, dapatan menunjukkan bahawa literasi label nutrisi dan sikap terhadap label nutrisi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemilihan makanan sihat. Implikasinya, dapatan kajian ini memberikan maklumat dan panduan berguna kepada pihak-pihak berkepentingan dalam merangka program pendidikan pengguna yang efektif dan mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan pengguna di Malaysia.





## THE INFLUENCE OF NUTRITION LABEL LITERACY ON ATTITUDE TOWARDS NUTRITION LABEL AND HEALTHY FOOD CHOICES

### ABSTRACT

This study aims to assess the influence of nutrition label literacy on attitude towards nutrition label and; the influence of nutrition label literacy and attitude toward nutrition label on healthy food choice. Quantitative approaches were employed in this study. Data were collected from a sample of 420 respondents, aged 15 years and above who live around Federal Territory of Putrajaya. The sample was selected using cluster sampling technique, followed by systematic sampling method. Data were collected using a questionnaire as an instrument. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis was used to summarize respondents' profile, while inferential analysis was used to test the proposed hypotheses using linear regression analysis. The findings show that literacy of nutrition label has an insignificant influence on attitude toward nutrition label ( $\beta=0.061$ ,  $p>0.05$ ). However, literacy of nutrition label ( $\beta=-0.147$ ,  $p<0.001$ ) and attitude toward nutrition label ( $\beta=0.612$ ,  $p<0.001$ ) have a significant influence on the healthy food choice. Attitude towards nutrition label shows as a dominant variable than literacy nutrition label in affecting healthy food choice. In conclusion, the findings show that literacy of nutrition label and attitude toward nutrition label play an important role in affecting healthy food choice. In implication, the findings provide useful information and guidance to the relevant parties in designing influence consumer education programs and promoting a healthy lifestyle among consumers in Malaysia.



## ISI KANDUNGAN

|                          | Muka Surat  |
|--------------------------|-------------|
| <b>PENGAKUAN</b>         | <b>ii</b>   |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | <b>iii</b>  |
| <b>ABSTRAK</b>           | <b>iv</b>   |
| <b>ABSTRACT</b>          | <b>v</b>    |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>     | <b>vi</b>   |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | <b>x</b>    |
| <b>SENARAI RAJAH</b>     | <b>xii</b>  |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | <b>xiii</b> |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>  | <b>xiv</b>  |

## BAB 1 PENGENALAN

|      |                                    |    |
|------|------------------------------------|----|
| 1.1  | Pendahuluan                        | 1  |
| 1.2  | Latar belakang kajian              | 2  |
| 1.3  | Penyataan masalah                  | 5  |
| 1.4  | Objektif kajian                    | 8  |
| 1.5  | Persoalan kajian                   | 8  |
| 1.6  | Kerangka konseptual dan teoretikal | 9  |
| 1.7  | Kepentingan kajian                 | 10 |
| 1.8  | Batasan kajian                     | 11 |
| 1.9  | Definisi operasi                   | 12 |
| 1.10 | Rumusan                            | 14 |

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

|       |                                                                       |    |
|-------|-----------------------------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                                            | 15 |
| 2.2   | Label nutrisi                                                         | 16 |
| 2.3   | Kepenggunaan dan label nutrisi                                        | 17 |
| 2.4   | Obesiti dan label nutrisi                                             | 20 |
| 2.5   | Literasi label nutrisi                                                | 22 |
| 2.6   | Sikap terhadap label nutrisi                                          | 24 |
| 2.7   | Pemilihan makanan sihat                                               | 26 |
| 2.8   | Kerangka teori                                                        | 28 |
| 2.8.1 | Teori Tindakan Alasan ( <i>Theory of Reasoned Action-TRA</i> )        | 28 |
| 2.8.2 | Model reaksi terhadap makanan ( <i>Reactions to Food Model-RFM</i> )  | 32 |
| 2.8.3 | Cadangan rangka kerja penyelidikan                                    | 34 |
| 2.9   | Hipotesis kajian                                                      | 36 |
| 2.9.1 | Pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi  | 36 |
| 2.9.2 | Pengaruh literasi label nutrisi ke atas pemilihan makanan sihat       | 37 |
| 2.9.3 | Pengaruh sikap terhadap label nutrisi ke atas pemilihan makanan sihat | 39 |
| 2.10  | Rumusan                                                               | 40 |

## BAB 3 METODOLOGI

|     |                     |    |
|-----|---------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan          | 41 |
| 3.2 | Reka bentuk kajian  | 42 |
| 3.3 | Lokasi kajian       | 43 |
| 3.4 | Populasi dan sampel | 45 |
| 3.5 | Instrumen kajian    | 48 |

|       |                        |    |
|-------|------------------------|----|
| 3.6   | Penterjemahan          | 50 |
| 3.7   | Kajian rintis          | 51 |
| 3.7.1 | Ujian dengan pakar     | 52 |
| 3.7.2 | Ujian dengan responden | 53 |
| 3.8   | Kutipan data           | 57 |
| 3.9   | Analisis data          | 59 |
| 3.10  | Rumusan                | 62 |

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|       |                                                                                                  |    |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1   | Pengenalan                                                                                       | 64 |
| 4.2   | Profil responden                                                                                 | 65 |
| 4.3   | Pengujian awal: Pematuhan andaian regresi                                                        | 66 |
| 4.4   | Dapatan analisis regresi linear mudah dan analisis regresi linear pelbagai                       | 69 |
| 4.4.1 | Pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi                             | 69 |
| 4.4.2 | Pengaruh literasi label nutrisi dan sikap terhadap label nutrisi ke atas pemilihan makanan sihat | 70 |
| 4.5   | Ringkasan keputusan pengujian hipotesis                                                          | 72 |
| 4.6   | Rumusan                                                                                          | 72 |

#### **BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

|       |                                                                                        |    |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 5.1   | Pengenalan                                                                             | 74 |
| 5.2   | Perbincangan terhadap dapatan kajian                                                   | 75 |
| 5.2.1 | Adakah literasi label nutrisi mempengaruhi sikap terhadap label nutrisi oleh pengguna? | 76 |
| 5.2.2 | Adakah literasi label nutrisi mempengaruhi pemilihan makanan sihat oleh pengguna?      | 77 |
| 5.2.3 | Adakah sikap terhadap label nutrisi mempengaruhi pemilihan makanan oleh pengguna?      | 79 |



|                 |                                                                                    |            |
|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 5.2.4           | Bagaimana literasi label nutrisi dapat meningkatkan perlindungan hak-hak pengguna? | 80         |
| 5.3             | Implikasi dapatan kajian                                                           | 82         |
| 5.4             | Limitasi dan cadangan kajian lanjutan                                              | 85         |
| 5.5             | Rumusan                                                                            | 86         |
| <b>RUJUKAN</b>  |                                                                                    | <b>89</b>  |
| <b>LAMPIRAN</b> |                                                                                    | <b>105</b> |





## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                                          | Muka Surat |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1        | Kadar peratusan obesiti di Malaysia mengikut negeri                                      | 4          |
| 3.1        | Peratusan berat badan berlebihan dan obes mengikut negeri 2015                           | 43         |
| 3.2        | Perbelanjaan penggunaan isi rumah 2014                                                   | 44         |
| 3.3        | Jumlah penduduk mengikut kumpulan umur bagi negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya         | 46         |
| 3.4        | Perincian langkah-langkah pensampelan                                                    | 47         |
| 3.5        | Item pengukuran awal bagi setiap konstruk dan sumber                                     | 48         |
| 3.6        | Maklum balas daripada pakar                                                              | 53         |
| 3.7        | Maklum balas daripada responden                                                          | 54         |
| 3.8        | Keputusan <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i>                                          | 55         |
| 3.9        | Keputusan <i>total variance explained</i>                                                | 55         |
| 3.10       | <i>Rotated component matrix<sup>a</sup></i>                                              | 56         |
| 3.11       | Analisis kebolehpercayaan skala pengukuran                                               | 57         |
| 3.12       | Prosedur pengumpulan data                                                                | 57         |
| 3.13       | Petunjuk bagi normaliti, <i>outliers</i> dan <i>multicollinearity</i>                    | 61         |
| 3.14       | Petunjuk bagi analisis regresi linear                                                    | 62         |
| 4.1        | Ringkasan profil responden                                                               | 66         |
| 4.2        | Keputusan analisis <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i>                                   | 67         |
| 4.3        | Keputusan nilai maksimum <i>Mahalanobis D<sup>2</sup></i>                                | 68         |
| 4.4        | Pengujian <i>collinearity</i>                                                            | 69         |
| 4.5        | Keputusan analisis regresi linear mudah ( <i>Model Summary &amp; ANOVA<sup>a</sup></i> ) | 70         |
| 4.6        | Keputusan analisis regresi linear mudah ( <i>Coefficients<sup>a</sup></i> )              | 70         |





|     |                                                                                             |    |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.7 | Keputusan analisis regresi linear pelbagai ( <i>Model Summary &amp; ANOVA<sup>a</sup></i> ) | 71 |
| 4.8 | Keputusan analisis regresi linear pelbagai ( <i>Coefficients<sup>a</sup></i> )              | 72 |
| 4.9 | Ringkasan keputusan pengujian hipotesis                                                     | 72 |



## SENARAI RAJAH

| No. Rajah |                                                                      | Muka Surat |
|-----------|----------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1       | Kerangka konseptual dan teoretikal kajian                            | 9          |
| 2.1       | Teori Tindakan Alasan ( <i>Theory of Reasoned Action-TRA</i> )       | 31         |
| 2.2       | Model Reaksi Terhadap Makanan ( <i>Reactions to Food Model-RFM</i> ) | 34         |
| 2.3       | Cadangan rangka kerja penyelidikan                                   | 35         |
| 3.1       | Tinjauan penilaian pengukuran                                        | 52         |
| 3.2       | Gambaran keseluruhan analisis data                                   | 60         |



## SENARAI SINGKATAN

|        |                                                                |
|--------|----------------------------------------------------------------|
| APP    | Akta Perlindungan Pengguna 1999                                |
| BI     | Bahasa Inggeris                                                |
| BM     | Bahasa Melayu                                                  |
| BMI    | <i>Body Mass Index</i>                                         |
| CAP    | Persatuan Pengguna Pulau Pinang                                |
| EFA    | <i>Exploratory Factor Analysis</i>                             |
| FOMCA  | <i>Federation of Malaysian Consumers Associations</i>          |
| IPH    | <i>Institute for Public Health</i>                             |
| KKM    | Kementerian Kesihatan Malaysia                                 |
| KPDNKK | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan |
| MAKNA  | <i>National Cancer Council Malaysia</i>                        |
| MDG    | <i>Malaysian Dietary Guidelines</i>                            |
| NGO    | <i>Non-Governmental Organization</i>                           |
| NHMS   | <i>National Health and Morbidity Survey</i>                    |
| PPIM   | Persatuan Pengguna Islam Malaysia                              |
| RFM    | <i>Reactions to Food Model</i>                                 |
| SPSS   | <i>Statistical Package for Social Science</i>                  |
| TRA    | <i>Theory of Reasoned Action</i>                               |
| UK     | United Kingdom                                                 |
| VIF    | <i>Variance Inflation Factor</i>                               |
| WHO    | <i>World Health Organization</i>                               |





## SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual *synthesis matrix* (courseware)
- B Jadual penentu sampel Krejcie dan Morgan
- C Jadual penentu sampel Cohen
- D Maklum balas penterjemahan
- E Borang soal selidik
- F Dapatan ringkasan profil responden
- G Dapatan analisis regresi linear mudah
- H Dapatan analisis regresi linear pelbagai





## **BAB 1**

### **PENGENALAN**



#### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini memberikan gambaran umum mengenai kajian yang dijalankan. Selepas pengenalan, subtajuk 1.2 menerangkan latar belakang kajian, sementara subtajuk 1.3 menghuraikan permasalahan kajian. Selanjutnya, subtajuk 1.4 menghuraikan objektif kajian, manakala subtajuk 1.5 menimbulkan persoalan kajian yang selaras dengan objektif kajian. Subtajuk 1.6 pula menerangkan kerangka konseptual kajian dan diikuti dengan 1.7 kepentingan kajian serta diikuti dengan 1.8 batasan kajian. Akhir sekali, subtajuk 1.9 memberikan definisi operasional dan subtajuk 1.10 akan merumuskan bab ini.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kemajuan dalam bidang teknologi makanan telah mengakibatkan banyak makanan proses mudah didapati di pasaran pada masa ini (Bosman, Merwe, Ellis, Jerling, & Badham, 2014). Menurut Josić et al. (2017), makanan proses seperti biskut, susu, sardin merupakan makanan yang menggunakan bahan kimia, bahan-bahan tiruan dan dibuat daripada bahan-bahan terproses (*refined ingredients*). Walaupun makanan proses lebih membawa keburukan daripada kebaikan, namun pemikiran dan kesibukan masyarakat masa ini tidak terlepas untuk terus makan makanan proses (Tee, 2011b).

Menyedari ancaman pengambilan makanan proses, penggubal dasar global dan tempatan sentiasa prihatin terhadap perlindungan kesihatan pengguna (Onete, Voinea, Filip, & Dina, 2014). Menurut Weatherill (2013) dan, Chapman dan Liberman (2005), pemberian maklumat tentang kandungan dan khasiat pada bungkusan makanan adalah amat perlu bagi melindungi hak serta kebajikan pengguna. Label nutrisi merupakan alat yang dapat menarik pengguna untuk mengetahui kandungan nutrisi pada bungkusan makanan dengan lebih jelas (Campos, Doxey, & Hammond, 2011; Grunert, Klaus G, Wills, & Fernández-Celemín, 2010; Grunert, Klaus, & Wills, 2007). Di samping itu, label nutrisi juga dapat membantu pengguna untuk membuat pemilihan makanan secara sihat sewaktu pembelian (Roberto, Schwartz, & Brownell, 2009).

Memandangkan label nutrisi merupakan salah satu jalan penyelesaian terbaik dalam menyediakan maklumat fakta pemakanan dan membantu pengguna membuat keputusan sewaktu pembelian, Kementerian Kesihatan Malaysia telahewartakan





pindaan Peraturan Makanan 1985 pada tahun 2003 (Ministry of Health Malaysia, 2013). Melalui pindaan yang telah dibuat, label nutrisi telah diwajibkan kepada pengeluar dan pengusaha makanan proses di Malaysia untuk memberikan pengetahuan kepada pengguna mengenai khasiat yang terkandung dalam produk makanan yang dikeluarkan dan tindakan akan dikenakan sekiranya gagal mendedahkan maklumat label nutrisi secara betul (Suhor, Yusoff, Ismail, Aziz, & Razman, 2014).

Walaupun pengeluar dan pengusaha makanan proses telah menyediakan label nutrisi pada bungkusan makanan secara fakta, jelas, relevan dan memenuhi hak pengguna (Owen, 2014), adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk menjalankan hak mereka sebagai pengguna, iaitu dengan menggunakan label nutrisi sewaktu pembelian produk makanan (Brownell et al., 2010). Secara spesifiknya, pengguna dipertanggungjawabkan untuk menggunakan label nutrisi sebagai panduan untuk memilih makanan sihat (Bosman et al., 2014). Walau bagaimanapun, penggunaan label nutrisi masih rendah dalam kalangan pengguna di Malaysia (Norazlanshah et al., 2013). Hal ini menyebabkan pengguna membuat pemilihan makan tidak sihat sehingga membawa kepada risiko penyakit berbahaya khususnya masalah obesiti (Sekretariat Bulan Pemakanan Malaysia, 2014).

Obesiti merupakan ancaman utama bagi kebanyakan negara dan menjadi penyebab utama kematian lebih 2.8 juta orang setiap tahun (Gan, 2014). Menurut Sekretariat Bulan Pemakanan Malaysia (2014), kadar obesiti di Malaysia telah meningkat daripada 4.4 peratus pada tahun 1996 kepada 15.1 peratus pada tahun 2011. Hal ini menjadikan Malaysia sebagai negara di kedudukan nombor 1 di Asia Tenggara, nombor 6 di Asia dan nombor 17 di dunia dengan kadar obesiti tertinggi





(Ng et al., 2014). Jadual 1.1 menunjukkan peningkatan obesiti di Malaysia mengikut negeri daripada 216.2 peratus pada tahun 2011 kepada 238.0 peratus pada tahun 2015.

Jadual 1.1

*Kadar Peratusan Obesiti Di Malaysia Mengikut Negeri*

| Negeri          | Tahun 2011<br>(%) | Tahun 2015<br>(%) | Peningkatan<br>(%) |
|-----------------|-------------------|-------------------|--------------------|
| Johor           | 15.9              | 18.1              | 2.2                |
| Kedah           | 15.2              | 20.5              | 5.3                |
| Kelantan        | 16.2              | 16.2              | 0                  |
| Melaka          | 17.7              | 21.9              | 4.2                |
| Negeri Sembilan | 16.0              | 23.5              | 7.5                |
| Pahang          | 15.3              | 19.4              | 4.1                |
| Pulau Pinang    | 12.8              | 13.8              | 1.0                |
| Perak           | 16.2              | 17.5              | 1.3                |
| Perlis          | 21.7              | 22.3              | 0.6                |
| Sabah           | 10.6              | 13.4              | 2.8                |
| Serawak         | 14.0              | 18.4              | 4.4                |
| Selangor        | 17.1              | 18.7              | 1.6                |
| Terengganu      | 14.0              | 18.6              | 4.6                |
| Kuala Lumpur    | 13.5              | 14.9              | 1.4                |
| Putrajaya       | -                 | 25.8              | -                  |
| <b>Jumlah</b>   | <b>216.2</b>      | <b>238.0</b>      | <b>21.8</b>        |

Sumber: Institut Kesihatan Awam Malaysia (*Institute for Public Health (IPH)*) (2011, 2015).

Akibat peningkatan pengambilan makanan proses dan masalah obesiti yang semakin meruncing, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyemak semula Garis Panduan Diet Malaysia (MDG) pada tahun 2010 (Ministry of Health Malaysia, 2011) untuk mempromosikan kepentingan kesihatan kepada pengguna. Berdasarkan MDG yang telah dikemas kini, pengguna turut disarankan membaca label nutrisi pada bungkusan makanan sebelum membuat pembelian makanan (Ministry of Health Malaysia, 2011). Hal ini kerana pengguna yang membaca label nutrisi semasa membeli makanan proses bukan sahaja dapat membeli makanan berkualiti tinggi, tetapi juga kesihatan lebih baik (Yasin, Ahmad, Nordin, Ghazali, & Abdullah, 2015).





Walau bagaimanapun, mengubah gelagat pengguna untuk membuat pemilihan makanan sihat adalah sangat sukar (Zheng, Xu, & Wang, 2011). Hal ini kerana perubahan gelagat pengguna memerlukan perubahan dalam sikap individu (Montano & Kasprzyk, 2015). Justeru, adalah penting untuk mendidik pengguna untuk bertanggungjawab dalam menjalankan hak sebagai pengguna, terutamanya untuk menggunakan label nutrisi supaya dapat memilih makanan yang sihat dan mampu menjalani gaya hidup yang sihat. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk satu kajian dijalankan bagi mengkaji pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi dan pemilihan makanan sihat.

### 1.3 Penyataan Masalah



Kajian-kajian lepas mendapati tahap penggunaan label nutrisi adalah tinggi dalam kalangan pengguna di negara-negara maju, terutamanya di United Kingdom (UK) (Grunert et al., 2010). Namun, tahap penggunaan label nutrisi di negara-negara sedang membangun dikatakan masih rendah (Ambak et al., 2014; Grunert et al., 2007) dan, tidak hairanlah jika label nutrisi menjadi tumpuan kajian kebanyakan pengkaji di masa ini. Meskipun pengguna di negara-negara sedang membangun sedar akan kepentingan label nutrisi, tetapi pengguna masih kurang menggunakan label nutrisi, terutamanya sewaktu pembelian makanan proses (Darkwa, 2014; Kumar, Sushil, & Ali, 2011; Norazlanshah et al., 2013; Rose, 2012). Hal ini kerana pengguna tidak mengetahui dan memahami kandungan serta maklumat pada label nutrisi (Harun, Ahmad, & Markom, 2016).





Secara umumnya, banyak kajian telah dilakukan untuk mengkaji peranan label nutrisi, iaitu sejak tahun 1995 lagi (Drichoutis, Lazaridis, & Nayga Jr, 2006; Grunert et al., 2007). Namun, sebahagian besar kajian tertumpu kepada pemahaman tingkah laku pengguna terhadap penggunaan label nutrisi (Bosman et al., 2014; Madhvapaty & Singh, 2014). Bermula pada tahun 2005, semakin banyak kajian dijalankan yang menekankan pengaruh label nutrisi pada tingkah laku pengguna, terutamanya pada niat pembelian (Burton, Howlett, & Tangari, 2009; Godwin, Speller-Henderson, & Thompson, 2006; Norazlanshah et al., 2013; Prathiraja & Ariyawardana, 2003). Walau bagaimanapun, kajian mengenai penggunaan label nutrisi ke atas pemilihan makan sihat oleh pengguna masih kurang diambil perhatian (Downs, Loewenstein, & Wisdom, 2009; Tarabella & Voinea, 2013).



Dalam konteks Malaysia, kajian mengenai label nutrisi yang dapat membantu pengguna untuk membuat pembelian makanan proses secara betul sukar ditemui. Setakat ini, hanya kajian Norazlanshah et al. (2013) yang membincangkan isu ini. Berdasarkan Brownell et al. (2010), pengguna perlu bertanggungjawab menggunakan label nutrisi sewaktu pembelian makanan proses untuk menjalankan hak mereka sebagai pengguna. Namun, perbincangan mengenai isu literasi label nutrisi dan sikap terhadap label nutrisi dapat meningkatkan perlindungan hak-hak pengguna di Malaysia tidak diperjelaskan secara lebih terperinci (Abdul Latiff, Rezai, Mohamed, & Amizi Ayob, 2016).

Selain itu, tahap penggunaan label nutrisi yang masih rendah di negara-negara sedang membangun dikatakan menjadi salah satu sebab peningkatan masalah kesihatan berkaitan pemakanan (Aygen, 2012). Kajian lepas oleh Miller dan Cassady (2015) dan; Hawkes, Jewell dan Allen (2013), menyatakan bahawa label nutrisi





merupakan salah satu mekanisme penting untuk membantu pengguna membuat pemilihan makanan sihat dan seterusnya berupaya menjaga kesihatan tubuh badan. Walau bagaimanapun, kajian yang membincangkan peranan label nutrisi yang berupaya membantu mengurangkan masalah kesihatan berkaitan pemakanan, terutamanya penyakit obesiti di Malaysia masih agak terhad. Setakat ini, hanya kajian Ambak et al. (2014) dan Ng et al. (2014) yang telah membincangkan isu ini.

Bukan setakat itu sahaja, kajian mengenai literasi label nutrisi yang mempengaruhi ke atas sikap terhadap label nutrisi dan pemilihan makanan sihat masih terhad di Malaysia (Norazlanshah et al., 2013; Norazmir, Norazlanshah, Naqieyah, & Anuar, 2012). Di samping itu, kajian yang membincangkan sejauh mana sikap terhadap label nutrisi mempengaruhi pemilihan makanan sihat juga sukar ditemui. Hanya kajian Ng et al. (2015) dan; Shah Alam dan Mohamed Sayuti (2011) yang membincangkan isu ini. Namun, usaha menggesa dan mendorong pengguna membuat pemilihan makanan sihat bukanlah sesuatu tugas yang mudah (World Health Organization, 2012, 2015). Hal ini kerana tingkah laku pengguna adalah berbeza-beza (Zheng et al., 2011).

Menyedari pentingnya peranan label nutrisi untuk meningkatkan perlindungan hak-hak pengguna, dan menangani masalah kesihatan berkaitan makanan, terutamanya obesiti serta ditambah dengan kurangnya kajian yang dijalankan di Malaysia bagi menjawab persoalan berhubung pengaruh penggunaan label nutrisi dan sikap terhadap label nutrisi untuk mendidik serta mendorong pengguna bagi membuat pemilihan makanan sihat, ia menggesa satu kajian baru dilakukan. Oleh itu, bagi mengisi jurang kajian yang ada dan isu yang memberikan implikasi kepada pengguna serta negara, maka adalah perlu untuk mengambil





tindakan dengan melaksanakan kajian baru mengenai pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi dan pemilihan makanan sihat di Malaysia.

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilakukan untuk memperjelaskan kepentingan dan tanggungjawab pengguna untuk menggunakan label nutrisi secara betul dalam usaha menjalani gaya hidup yang lebih sihat. Secara khususnya, kajian ini cuba untuk:

- i) Mengkaji pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi.
- ii) Mengkaji pengaruh literasi label nutrisi ke atas pemilihan makanan sihat.
- iii) Mengkaji pengaruh sikap terhadap label nutrisi ke atas pemilihan makanan



#### 1.5 Persoalan Kajian

Selaras dengan objektif yang ditetapkan, kajian ini akan cuba mencari jawapan bagi persoalan utama kajian, iaitu sejauh mana label nutrisi berupaya membantu pengguna melindungi hak-hak mereka demi menjalani gaya hidup yang lebih sihat. Secara spesifiknya, kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

PK1: Adakah literasi label nutrisi mempengaruhi sikap terhadap label nutrisi oleh pengguna?

PK2: Adakah literasi label nutrisi mempengaruhi pemilihan makanan sihat oleh pengguna?




PK3: Adakah sikap terhadap label nutrisi mempengaruhi pemilihan makanan sihat oleh pengguna?

## 1.6 Kerangka Konseptual dan Teoretikal

Kerangka konseptual ini melibatkan satu teori utama, iaitu Teori Tindakan Alasan (*Theory of Reasoned Action-TRA*) yang dibangunkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) dengan dibantu oleh Model Reaksi Terhadap Makanan (*Reactions to Food Model-RFM*) yang dihasilkan oleh Trendel dan Werle (2015) dan literatur berkenaan dengan literasi label nutrisi (Knight, 2017; Rose, 2012; Westlake, Sethares, & Davidson, 2013).

Rajah 1.1 menjelaskan bahawa literasi label nutrisi mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas sikap terhadap label nutrisi dan literasi label nutrisi mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pemilihan makanan sihat. Manakala sikap terhadap label nutrisi pula menunjukkan pengaruh yang signifikan ke atas pemilihan makanan sihat. Pemilihan makanan sihat merupakan tindak balas daripada literasi label nutrisi dan sikap terhadap label nutrisi yang dinilai secara signifikan.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual dan Teoretikal Kajian



## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi dan pemilihan makanan sihat mempunyai implikasi yang akan memberi kepentingan, manfaat dan sumbangan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik (penyelidik).

Dapatan kajian ini akan dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti KPDNKK dalam membuat polisi untuk menetapkan strategi-strategi yang sesuai bagi mengukuhkan lagi perlindungan hak-hak pengguna, terutamanya dalam membuat keputusan mengenai maklumat pemakanan (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia, 2017). Selain itu, dapatan kajian ini berupaya memberikan maklumat kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mempromosikan lagi kepentingan kesihatan melalui pembacaan label nutrisi untuk membimbing pengguna dalam membuat pemilihan makanan sihat dan seterusnya mengurangkan masalah obesiti (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016; Tee, 2011b).

Seterusnya, dapatan kajian ini akan memberikan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merancang dan mereka pelbagai program pendidikan berkaitan label nutrisi supaya pengguna dapat menambahkan pengetahuan sedia ada (Tee, 2011a; Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi, 2015). Dapatan kajian ini juga akan membantu badan-badan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) bagi merancang program yang berkesan dalam membantu mempromosikan penggunaan label nutrisi supaya masalah obesiti dapat



dikurangkan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016; World Health Organization, 2016).

Di samping itu juga, dapatan kajian ini memberikan sumbangan kepada ahli akademik dan penyelidik untuk memberikan cetusan idea baru mengenai literasi label nutrisi yang merupakan konstruk yang amat penting dalam mempengaruhi pemilihan makanan sihat (Cooke & Papadaki, 2014). Selain itu, dapatan ini juga akan menambahkan kepada literatur sedia ada mengenai peranan label nutrisi untuk mendorong pengguna membeli secara bijak (Norazlanshah et al., 2013). Dapatan kajian ini juga akan meningkatkan pemahaman tentang peranan label nutrisi kepada pengguna Malaysia apabila membuat pilihan makanan yang sihat dengan mencadangkan rangka kerja yang disahkan (Fishbein & Ajzen, 1975; Trendel & Werle, 2015).

## **1.8 Batasan Kajian**

Pemilihan lokasi kajian adalah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Responden kajian pula tertumpu kepada 420 orang responden berumur 15 tahun dan ke atas sahaja. Maka kajian ini terbatas daripada aspek generalisasi, di mana penjelasan tentang dapatan perlu dibuat dengan berhati-hati. Selain itu, kajian ini hanya menguji peranan tiga pemboleh ubah sahaja, iaitu literasi label nutrisi, sikap terhadap label nutrisi dan pemilihan makanan sihat. Ketiga-tiga pemboleh ubah ini merupakan komponen penting untuk menyediakan penyelesaian kepada isu yang dibentangkan. Lantaran itu, faktor-faktor yang lain boleh memberikan impak seperti pengetahuan kesihatan, demografi dan motivasi tidak diambil kira.



Seterusnya, kajian ini terbatas dari segi kos dan masa. Disebabkan itu, kajian ini hanya mampu mengkaji saiz sampel yang terhad dan melibatkan satu lokasi sahaja. Banyak teori yang boleh diguna pakai. Namun, hanya Teori Tindakan Alasan (*Theory of Reasoned Action*-TRA) oleh Fishbein dan Ajzen (1975) dan Model Reaksi Terhadap Makanan (*Reactions to Food Model*-RFM oleh Trendel dan Werle (2015) digunakan kerana ianya bersesuaian dengan objektif kajian. TRA lebih menekankan kepada hubungan antara sikap dengan tingkah laku sebenar dan RFM menjadi panduan dalam membuat ramalan pemakanan yang baik. Oleh itu, teori dan model ini sahaja yang digunakan memandangkan kesesuaian dengan kajian yang dijalankan.

## 1.9 Definisi Operasional



### i. Label Nutrisi

Label nutrisi adalah merujuk kepada senarai kandungan dan tahap nutrien sesuatu produk yang dipaparkan pada label makanan (Ministry of Health Malaysia, 2011).

### ii. Kepenggunaan

Kepenggunaan didefinisikan sebagai kegiatan yang dilakukan oleh pengguna, kerajaan atau organisasi bukan berorientasikan keuntungan (NGO) untuk melindungi kebajikan dan hak-hak pengguna (Aggrawal, 2014; Kehinde, 2016; Njuguna, 2015; O'Hara, 2013; Oko & Linus, 2013).





### iii. Perlindungan Hak-hak Pengguna

Perlindungan hak-hak pengguna merupakan pemeliharaan, pengawasan dan penjagaan yang dibuat oleh kerajaan bagi melindungi pengguna daripada kelakuan tidak adil pembekal, terutamanya sewaktu proses pembelian barang atau perkhidmatan (Aggrawal, 2014; Beekman, 2008; Hall, Howells, & Watson, 2012; Jacobs, Stoop, & Van Niekerk, 2010; Onete et al., 2014).

### iv. Obesiti

Obesiti ditakrifkan sebagai berat badan yang berlebihan, iaitu melebihi *Body Mass Index (BMI)* 30 kg/m<sup>2</sup> (Gan, 2014; Sekretariat Bulan Pemakanan Malaysia, 2014; World Health Organization, 2016).



### v. Literasi Label Nutrisi

Literasi label nutrisi merujuk kepada keupayaan individu untuk memperoleh, mentafsir dan menggunakan maklumat pada label nutrisi (Knight, 2017; Rose, 2012; Westlake et al., 2013).

### vi. Sikap Terhadap Label Nutrisi

Sikap terhadap label nutrisi merupakan perasaan, persepsi dan penilaian individu, sama ada secara positif atau negatif terhadap label nutrisi dalam membuat pemilihan makanan sihat (Cannoosamy, Pugo-Gunsam, & Jeewon, 2014; D. J. Graham & Laska, 2012; Samant, Crandall, & Seo, 2016).





## vii. Pemilihan Makanan Sihat

Pemilihan makanan sihat ditakrifkan sebagai kecenderungan individu untuk mempertimbangkan, memilih dan menggunakan produk makanan dengan nisbah protein, vitamin, lemak, karbohidrat dan garam galian yang tepat (Kim, Lee, Gon Kim, & Kim, 2013; Mötteli, Keller, Siegrist, Barbey, & Bucher, 2016; Salmon, Fennis, de Ridder, Adriaanse, & De Vet, 2014).

### 1.10 Rumusan

Bab ini memperkenalkan isu yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji dan menjelaskan idea asas penyelidikan. Secara spesifiknya, bab ini menerangkan secara ringkas situasi yang menggesa satu kajian dijalankan berhubung pengaruh literasi label nutrisi ke atas sikap terhadap label nutrisi dan pemilihan makanan sihat. Seterusnya, bab ini mengutarakan objektif kajian untuk dicapai, soalan-soalan yang perlu ditangani dalam kajian ini, kerangka konseptual dan teoretikal kajian, kepentingan kajian, batasan-batasan kajian dan definisi operasional. Pada bab yang berikutnya, perbincangan tentang kajian-kajian yang sedia ada dan penjelasan terperinci mengenai teori serta model menjadi asas pembentukan rangka kerja penyelidikan dan hipotesis penyelidikan akan dilakukan.

